

# Dr. Mahathir diminta fikir kesan kritiknya

UM-8/7/2006

KUALA TERENGGANU 7 Julai - Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar (**gambar**) meminta bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad memikirkan kesan tindakannya mengkritik pucuk pimpinan kerajaan yang dilakukan sebelum ini.

Menurutnya, sebagai bekas pemimpin nombor satu dan berpengalaman mentadbir negara, Dr. Mahathir sepatutnya menggunakan platform sesuai untuk mendapatkan penerangan isu yang beliau tidak puas hati dan bukannya menggunakan forum rakyat.

Malah katanya, pendekatan yang digunakan sekarang tidak selari dengan pegangan

Dr. Mahathir semasa menjadi pemimpin.

"Saya harap Tun dapat duduk, berfikir dan bertenang tentang soal dia hendak 'menyelamatkan' negara dia.

"Kerajaan sekarang bukan hendak hancurkan negara sebagaimana disangkanya tetapi kerajaan sekarang hendak tentukan negara ini menjadi lebih kukuh dan kuat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan ceramah mengenai isu-isu semasa anjuran Biro Penerangan Badan Perhubungan UMNO Terengganu di Kompleks Seri Iman, dekat sini hari ini.

Turut hadir Setiausaha Parlimen Kementeri-

an Luar, Ahmad Shabery Cheek dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam Hadhari dan Kebajikan Negeri, Datuk Rosol Wahid.

Dalam pada itu, beliau menganggap imej Malaysia tidak akan terjejas pada pandangan pemimpin kerajaan asing ekoran konflik dalaman yang berlaku antara Dr. Mahathir dengan pucuk pimpinan sekarang.

Malah Syed Hamid percaya, pemimpin negara luar akan memahami kelaziman yang berlaku membabitkan sesetengah bekas pemimpin sesebuah kerajaan yang akan melahirkan rasa tidak puas hati setelah tidak lagi berkuasa.

